



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



**GEOPOLITIK NEGERI JOHOR DAN PRESTASI PARTI
POLITIK DALAM PILIHAN RAYA UMUM DUN JOHOR 2022**

*GEOPOLITICS THE STATE OF JOHORE AND THE PERFORMANCE OF
POLITICAL PARTIES IN THE JOHOR STATE GENERAL ELECTION 2022*

Junaidi Awang Besar^{1*}, Mohd Fuad Mat Jali², Syahrudin Hj Awg Ahmad³, Fauzie Sarjono⁴,
Mohamad Haziq Ikhsan Mohd Rudzainor⁵, Ajirah Hanim Abdul Halim⁶, Mohd Syukri Zainuddin⁷,
Ahmad Aiman Noor Azman⁸ & Muhammad Yusuf Idris⁹

¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor
Email: jab@ukm.edu.my

² Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor
Email: jab@ukm.edu.my

³ Program Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah
Email: syahag@ums.edu.my

⁴ Program Hubungan Industri, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah
Email: fauzie@ums.edu.my

⁵ Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah
Email: haziqikhsanrudzainoor@gmail.com

⁶ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor
Email: aajirahhanim@gmail.com

⁷ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor
Email: mohdsyukri89z@gmail.com

⁸ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor
Email: aimanazman15@gmail.com

⁹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor
Email: muhammadyusufidris@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 12.04.2022
Revised date: 31.04.2022
Accepted date: 10.05.2022
Published date: 10.06.2022

To cite this document:

Awang Besar, J., Mat Jali, M. F., Hj Awg Ahmad, S., Sajono, F., Rudzainor, M. H. I. M., Halim, A. H. A., Zainuddin, M. S., Azman, A. A. N., & Idris, M. Y. (2022). Review on National Identity in Architecture through the Understanding of Its Roles, Typologies and Themes. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 01-22.

DOI: 10.35631/IJLGC.728001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Politik Negeri Johor bergolak apabila Menteri Besar Johor bertindak menyerahkan warkah pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor kepada Baginda Sultan Johor yang mendapat perkenan Baginda pada 22 Januari 2022 untuk diadakan pilihan raya DUN baru bagi mewujudkan sebuah Kerajaan Negeri yang stabil. Pilihan raya yang diadakan pada 12 Mac 2022 tersebut dianggap sebagai kontroversi kerana diadakan dalam keadaan penularan wabak pandemik COVID-19 yang belum pulih sebaiknya dan keadaan ekonomi rakyat yang tidak mengizinkan. Namun pilihan raya ini dapat dijadikan sebagai kayu ukur bagi prestasi parti politik menuju Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) akan datang di samping merupakan pilihan raya pertama yang melibatkan undi-18. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis geopolitik Negeri Johor dan prestasi parti politik dalam Pilihan Raya Umum DUN Johor 2022. Berdasarkan analisis data keputusan PRU DUN Johor 2022, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan, dapatan kajian menunjukkan bahawa Barisan Nasional (BN) berjaya memenangi pilihan raya tersebut dengan jumlah kerusi DUN yang memberangsangkan namun Perikatan Nasional (PN) turut memberi cabaran yang hebat terutamanya di kawasan majoriti pengundi etnik Melayu manakala Pakatan Harapan (PH) terus mendominasi kawasan bandar majoriti etnik Cina. Parti-parti politik lain sekadar memenuhi tuntutan demokrasi dan memeriahkan suasana kempen pilihan raya. Pilihan raya ini juga menyaksikan jumlah peratus keluar mengundi menurun kepada hanya 54.92 peratus. Justeru, pilihan raya ini masih belum dapat dijadikan indikator sokongan pengundi pada PRU-15 kerana peratus keluar mengundi yang rendah di samping isu besar yang boleh muncul secara tiba-tiba menuru PRU-15 nanti.

Kata Kunci:

Politik, Negeri Johor, Dewan Undangan Negeri, Parti Politik, Kerajaan Negeri

Abstract:

The politics of state in Johore was in turmoil when the Menteri Besar of Johor acted to hand over the dissolution letter of the Johore State Legislative Assembly (DUN) to His Majesty the Sultan of Johore who obtained His Majesty's consent on 22 January 2022 to hold a new DUN election to create a stable State Government. The election held on March 12, 2022, was considered controversial because it was held in the midst of the outbreak of the COVID-19 pandemic which had not yet recovered well, and the economic situation of the people did not allow. However, this election can be used as a yardstick for the performance of political parties towards the next 15th General Election (GE-15) in addition to being the first election involving 18 years old voters. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze the geopolitics of Johore and the performance of political parties in the Johore state General Election 2022. Based on the analysis of Johore DUN 2022 GE results data, field observations and analysis of secondary sources such as journal articles and conference papers, the findings show that Barisan Nasional (BN) managed to win the election with an impressive number of DUN seats, but Perikatan Nasional (PN) also posed a great challenge especially in Malay majority areas while Pakatan Harapan (PH) continues to dominate Chinese majority urban areas. Other political parties are simply fulfilling the demands of democracy and enlivening the atmosphere of the election campaign. The election also saw the total turnout drop to just 54.92 percent. Therefore, this election has not been able to be used as an indicator of voter support in the

GE-15 because of the low turnout as well as big issues that can appear suddenly in the GE-15.

Keywords:

Politics, State of Johore, State Legislative Assembly, Political Parties, State Government

Pengenalan

Negeri Johor menyaksikan berlakunya Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) pada 12 Mac 2022 akibat daripada pembubaran DUN oleh Menteri Besar Johor ketika itu dengan mendapat perkenan Baginda Sultan Johor. PRU DUN Johor 2022 menarik untuk dikaji kerana populasi pengundi Negeri Johor hampir menyamai populasi pengundi Malaysia yang bermasyarakat majmuk. Senario tahun 2022 juga memperlihatkan bahawa negara dan juga Negeri Johor masih dibelenggu wabak COVID-19 yang bakal memasuki fasa endemik dengan keadaan ekonomi rakyat dan negara yang masih belum pulih sepenuhnya. PRU DUN Johor juga bakal menguji impak pergolakan parti politik sama ada dalam kerajaan mahupun sesama pembangkang terhadap kecenderungan sokongan pengundi. Selain itu, buat pertama kalinya, undi-18 dilaksanakan dalam PRU tersebut. Kesemua senario politik ini dilihat dapat menggambarkan keadaan politik pilihan raya semasa terutamanya di Negeri Johor. Keadaan ini bakal menentukan prestasi parti politik dalam PRU tersebut dari segi penerimaan pengundi, pengaruh parti politik, kerelevanan parti politik dan strategi parti politik untuk menambat hati pengundi bagi menyokong parti politik. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis geopolitik Negeri Johor dan prestasi parti politik dalam Pilihan Raya Umum DUN Johor 2022.

Geopolitik

Geopolitik berasal dari kata 'geo' dan 'politik'. 'Geo' bermaksud bumi dan 'politik' berasal dari bahasa Yunani 'politeia'. 'Poli' ertinya kesatuan masyarakat yang berdiri sendiri dan 'teia' ertinya urusan. Geopolitik diertikan sebagai sistem politik atau peraturan dalam wujud kebijaksanaan dan strategi nasional yang didorong oleh aspirasi nasional geografi (kepentingan yang titik beratnya terletak pada pertimbangan geografi, wilayah atau *territorial* dalam maksud yang luas) suatu negara, yang apabila dilaksanakan dan berhasil akan berdampak langsung kepada sistem politik suatu negara. Sebaliknya, politik negara itu secara langsung akan berdampak pada geografi negara yang berkaitan. Geopolitik tertumpu pada geografi sosial (hukum geografi), mengenai situasi, keadaan, atau kumpulan geografi dan perkara yang dianggap relevan dengan ciri geografi sesebuah negara. Maka dasar penyelenggaraan bernegara adalah berdasarkan atas keadaan atau tempat tinggal negara itu. Dalam erti kata yang lain geopolitik merupakan kuasa pemerintahan atau pengaruh individu untuk menyokong sesuatu pihak (Flint 2006). Geopolitik dalam maksud yang lebih jelas adalah pengaruh kuasa politik dengan sesuatu tempat. Geopolitik juga boleh dikatakan sebagai satu kajian politik mengenai keadaan sesuatu tempat sama ada dari segi aspek umur, kaum, budaya setempat mahupun pembangunan.

Friedrich Ratzel (1844-1904) merupakan seorang ilmuan produktif yang berjaya serta ahli geografi yang mahir dalam bidang biologi, ilmu kimia dan banyak lagi. Beliau dipengaruhi kuat oleh penjelajahan Darwin dan teori sosial Darwin. Menurut beliau, negara adalah tanah iaitu manusia tinggal di atasnya, dihubungkan dengan idea negara dan undang-undang asal

dengan ikatan pembangunan untuk persekitaran asas. Maksudnya ialah, negara diumpamakan seperti tumbuh-tumbuhan dan manusia tidak boleh bertindak dengan baik di kawasan gurun dan kutub. Negara memerlukan makanan dalam bentuk *lebenstraum* (tempat tinggal) dan mereka mesti bersaing untuk tujuan tersebut. Negara seperti organisma yang mesti tumbuh atau mati. Mereka hidup berperingkat dari usia muda, dewasa dan tua. Daya hidup sesebuah negara umumnya boleh diukur melalui saiz sesebuah negara pada masa tertentu (Cohen 2003).

Parti Politik

Parti politik di Malaysia merupakan satu pertubuhan politik yang mempunyai ideologi dan agenda tersendiri dalam kalangan ahlinya. Setiap parti politik mempunyai matlamat utama iaitu untuk menjadi dan membentuk sebuah kerajaan supaya ideologi yang disampaikan oleh mereka boleh dijadikan sebagai dasar kerajaan yang akan diamalkan oleh setiap rakyat di negara ini. Dengan itu, parti politik akan menjadi satu mekanisme utama rakyat dalam proses penyertaan politik (Ab. Rashid & G Manimaran 2021).

Syed Ahmad (1995) menjelaskan definisi yang terdapat dalam buku karya Petr B. Harris yang menggariskan beberapa pengertian mengenai parti politik. Antaranya, parti politik adalah satu badan orang yang bersatu untuk bersama membina kepentingan negara melalui prinsip tertentu yang dipersetujui bersama. Selain itu, parti politik turut didefinisikan sebagai satu kumpulan yang tersusun yang berusaha untuk menguasai kedudukan individu dan dasar sesebuah kerajaan. Dalam membincangkan fungsi parti politik, terdapat lapan fungsi parti politik yang telah digariskan. Antaranya adalah parti politik berfungsi dalam menyatukan, menyenangkan dan menstabilkan proses politik iaitu sesuatu parti politik mampu mendorong berbagai golongan manusia dengan latar belakang yang berbagai ke dalam satu struktur yang lebih padu dan bermakna. Selain itu, parti politik turut dianggap dapat menghubungkan kerajaan dan rakyat dimana dapat menjelaskan tentang dasar dan perjalanan sesuatu sistem politik.

Pilihan Raya

Pilihan raya merupakan ciri penting sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Pilihan raya di Malaysia dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Keanggotaannya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja Melayu. Dalam negara demokrasi yang mempunyai sistem pilihan raya, pilihan raya boleh berlaku di pelbagai peringkat seperti peringkat nasional, wilayah dan tempatan. Di Malaysia, pilihan raya diadakan pada peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Ab. Rashid & G Manimaran 2021).

Menurut Syed Ahmad (2004), pilihan raya boleh didefinisikan sebagai proses yang memberi kuasa kepada mereka yang diperintah itu dalam menentukan sesuatu melalui cara pemilihan tertentu iaitu wakil diserahkan mandat untuk membuat keputusan, dasar dan undang-undang kepada masyarakat. Dalam erti kata lain, pilihan raya merupakan suatu proses masyarakat memilih dan mengesahkan wakil untuk membuat dasar dan keputusan politik. Dalam sesuatu pilihan raya terdapat dua objek yang terlibat iaitu orang yang dipilih dan kumpulan pemilih. A. Rashid (1994) turut menjelaskan bahawa pilihan raya ini berkaitan dengan politik dalam memilih orang atau orang-orang yang akan mewakili kepentingan pemilih dalam hal yang terletak di bawah bidang kuasa organisasi dimana orang atau orang berkenaan dipilih untuk bertugas.

Kajian Literatur: Politik dan Pilihan Raya di Negeri Johor Darul Takzim

Bagi kajian politik pilihan raya di Negeri Johor, Abdul Rahman (1994) mendapati bahawa pengundi Melayu di Johor lebih memihak kepada parti kerajaan manakala pengundi Cina lebih

memihak kepada parti pembangkang. Kecenderungan terhadap politik didapati berkait rapat dengan umur, jantina, pendidikan dan pekerjaan. Faktor persekitaran juga didapati mempengaruhi tingkah laku pengundi terutama dalam membuat keputusan pilihan raya. Kajian ini juga mendapati bahawa lebih daripada 50 peratus responden bersikap positif terhadap pilihan raya.

Iskandar Miza (1998) mendapati bahawa terdapat empat isu dominan yang berlaku di Gelang Patah, Johor iaitu isu pampasan, peminggiran kontraktor Melayu dalam pembangunan, nasib nelayan akibat pencemaran dan perbelanjaan wang pampasan. UMNO telah muncul sebagai satu organisasi yang cuba menyelesaikan masalah tersebut. Walaupun UMNO Bahagian dianggap mempunyai kaitan yang rapat dengan kerajaan, namun UMNO telah gagal untuk menyelesaikan keseluruhan isu yang muncul walaupun pelbagai usaha telah dilakukan. Ng (2001) mendapati bahawa keputusan PRU 1999 di DUN Bandar Maharani, Johor adalah ditentukan oleh faktor seperti janji calon atau parti politik dan pengaruh media massa. Keputusan kajian ini memperlihatkan pendekatan pemilihan rasional berjaya menerangkan perlakuan pengundi secara mutlak.

Nor Ilyana (2004) dalam kajian tentang tinjauan terhadap UMNO Bahagian di Parit Sulong, Johor telah mendapati bahawa golongan tua dan generasi muda mempunyai matlamat perjuangan masing-masing dalam UMNO. UMNO Bahagian Parit Sulong memerlukan perubahan mengikut kesesuaian masa dan masyarakatnya mahu melihat UMNO sebagai parti yang dominan di negeri Johor. Program yang dijalankan oleh UMNO dapat mengekalkan kepercayaan golongan tua dan generasi muda.

Mohd Fuad dan Junaidi (2012a) dalam kajian meninjau pendapat dan keperluan generasi muda di kawasan Parlimen Muar, Johor mendapati bahawa 71.9 peratus bersetuju agar kepimpinan kawasan Muar perlu dikekalkan kerana telah menunjukkan prestasi yang amat baik. Mohd Fuad dan Junaidi (2012b) mendapati bahawa dari aspek pengurusan awam, 86.3 peratus responden menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan dan polisi atau pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat (80.2 peratus).

Menurut Junaidi et al. (2011 dan 2012) dalam kajian “Analisis pola pengundian etnik Cina dalam Pilihan Raya Kecil di DUN Tenang, Johor”, kawasan yang majoritinya pengundi etnik Cina memihak kepada parti pembangkang/PAS namun kawasan majoriti Melayu terus didominasi UMNO/BN. Sokongan pengundi kaum Cina kepada parti pembangkang adalah disebabkan mereka percaya bahawa Pakatan Rakyat dapat menjadi kerajaan alternatif di peringkat negeri dan pusat bagi memperjuangkan hak mereka, memberikan keadilan sosial, ekonomi dan politik yang menyeluruh tanpa mementingkan sesuatu kaum sahaja. Pengundi Cina juga berani untuk mengubah sokongan mereka dengan memberi peluang kepada parti pembangkang untuk berkuasa sama ada di peringkat negeri mahupun pusat.

Junaidi (2017) dalam kajian politik pilihan raya menuju PRU-14 di Johor menjelaskan bahawa isu yang sering dibangkitkan oleh responden adalah 93.0 peratus daripadanya menyatakan isu pemulihan ekonomi/harga barang/minyak sering dibualkan di kawasan mereka. Seterusnya 42.3 peratus menyatakan kredibiliti calon penting dalam penentuan pengundian dalam pilihan raya. Henry (2018) menyatakan bahawa kejayaan PKR/PH menawan negeri Johor adalah satu

‘gempa’ yang luar biasa hasil daripada keazaman tinggi suara rakyat untuk menumbangkan BN di negeri tersebut dalam PRU 2018.

Junaidi et al. (2018) menjelaskan bahawa bagi wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia termasuk di Negeri Johor, PH juga berjaya menguasai Kerajaan Negeri Johor dengan majoriti kerusi DUN. Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia dikuasai PH kerana majoriti pengundi etnik Cina dan India mengundi calon PH manakala undi etnik Melayu terbahagi kepada tiga parti iaitu BN, PH dan PAS. Mohamed Nawab & Rashaad (2018) menjelaskan bahawa faktor kekuatan pengaruh lokal seperti sebagai negeri penubuhan UMNO dan semangat *johorean* yang dimiliki BN di Johor tidak dapat mengekalkan *status quo* BN di negeri tersebut, sebaliknya faktor nasional memberi kelebihan kepada PKR/PH untuk menawan DUN Johor dalam PRU 2018.

Junaidi (2018) menjelaskan bahawa PH secara majoritinya menang di wilayah atau zon Pantai Barat Semenanjung Malaysia termasuk di Johor terutamanya di kawasan bandar dan separa bandar manakala PAS menang di zon Pantai Timur Semenanjung Malaysia manakala BN kekal menguasai kawasan luar bandar terutamanya di negeri terkecil iaitu Perlis dan juga negeri terbesar di Semenanjung Malaysia iaitu Pahang. Pola sedemikian menarik untuk dikaji kerana ia berkait dengan faktor geografi dari segi ruang fizikal dan kemanusiaan, jarak, ketersampaian, lokasi, kawasan perbandaran/luar bandar dan juga faktor kejiranan yang mempunyai alasan tertentu.

Mohd Izani & Abdul Razak (2019) dalam bab dalam buku yang bertajuk ‘Permata Bertukar Pemilik: Cabaran dan Masa Depan Politik Johor Pasca PRU Ke-14’ menjelaskan bahawa kemenangan PH di Johor bersandarkan kepada isu dan skandal beberapa pemimpin tertentu, bukannya kerana berasaskan rekod PH yang baik. Justeru, Kerajaan PH Johor perlu mentadbir Johor lebih baik berbanding BN. Segala janji manifesto perlu ditunaikan sebaik dan secepat mungkin agar rakyat Johor dapat menikmati kehidupan yang lebih baik daripada sebelum ini. Hutchinson (2019) menjelaskan bahawa kemenangan PH dan kekalahan BN di Johor pada PRU-14 yang lalu adalah satu keputusan yang sangat mengejutkan yang disebabkan protes senyap pengundi atas pagar di samping tindakan pengundian saat akhir pengundi muda. Mohd. Noor (2019) menjelaskan bahawa parti yang berjaya menguasai sebahagian besar kerusi Parlimen dan DUN di Johor dapat dijadikan petunjuk kepada penguasaan pada peringkat persekutuan dan ini dapat dilihat melalui penguasaan kerusi Parlimen dan DUN oleh parti politik di Johor pada PRU-1 hingga PRU-13 yang dikuasai Perikatan/BN; dan PRU-14 yang dikuasai PH. Junaidi (2019a) menyatakan bahawa geopolitik kaum pada PRU 2018 Malaysia termasuk di Negeri Johor menunjukkan sokongan terhadap BN/UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu manakala kekuatan undi Pakatan Harapan bergantung kepada undi kaum Cina.

Junaidi (2019b) menjelaskan bahawa politik adalah satu disiplin ilmu yang menarik tetapi sukar untuk dikaji kerana tingkah laku politik pengundi adalah dinamik atau tidak statik, bahkan boleh berubah dengan mengejut sama ada peringkat negara mahupun Negeri Johor. Aktor politik iaitu pemain politik sama ada pemimpin mahupun parti politik tidak boleh memperkecilkan ‘kuasa rakyat’ yang boleh mengubah keadaan dengan sekelip mata sahaja. Pemimpin dan parti politik boleh mengatur pelbagai strategi dari segi kempen dan gerak kerja parti untuk memenangi hati pengundi namun gelombang atau kuasa rakyat sesekali tidak dapat dibendung lagi. Muhammad Naim, Zulkanain & Fatimi (2019) menyatakan bahawa BN iaitu UMNO terus menguasai kerusi pengundi FELDA yang dominan seperti di Kota Tinggi,

Tenggara, Pengerang, Sembrong dan Mersing disebabkan kesetiaan pengundi FELDA terhadap jasa Kerajaan BN terhadap mereka dari segi pengurniaan tanah dan insentif yang berkaitan penanaman kelapa sawit di samping pelbagai bantuan dalam bentuk kewangan diberikan kepada mereka setiap tahun.

Junaidi (2019) menyimpulkan dalam penulisannya “Pengaruh Geopolitik Kaum Dalam Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018 Di Malaysia” bahawa keputusan PRU 2018 Malaysia termasuk di Negeri Johor menunjukkan sokongan terhadap BN/UMNO bergantung kepada sokongan kaum Melayu manakala kekuatan undi Pakatan Harapan bergantung kepada sokongan kaum Cina. Junaidi (2020a) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Analisis Geografi Politik Dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Tanjong Piai, Johor” berkata kemarahan dan kekecewaan rakyat terutama masyarakat Cina terhadap kegagalan kerajaan mengotakan janji manifesto Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) serta kegagalan PH menangani isu sensasi dimainkan BN menyumbang kepada faktor kekalahan PH pada kali ini. Calon PH juga dilihat terperangkap dalam kesilapan mereka sendiri selain kebijaksanaan jentera BN memainkan isu negatif melibatkan Kerajaan PH yang akhirnya mempengaruhi keputusan pengundi.

Menurut Junaidi (2020b), sesungguhnya ilmu politik terutamanya di Malaysia dan juga di Negeri Johor adalah dinamik, berseni dan berstrategi. Dinamika politik ini merupakan percaturan yang menarik melibatkan strategi dan seni berpolitik demi mendapatkan kuasa sama ada secara berperlembagaan mahupun secara berkepentingan. Pihak menang wajib melaksanakan tanggungjawab sebagai pemerintah dengan adil dan beramanah untuk kebajikan rakyat manakala pihak yang tewas perlu memainkan peranan sebagai pembangkang bagi ‘membina’ pembangunan fizikal dan spiritual rakyat Johor mendapat perhatian semua ahli politik di negeri ini.

Junaidi, Ahmad Rizal & Mohd Syukri (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk ‘Berakhirnya Benteng Terakhir BN di Johor dalam PRU-14’ menjelaskan bahawa kemenangan PH dan kekalahan BN di Johor membuktikan bahawa tiada yang mustahil dan tiada yang kekal dalam politik. Sesungguhnya ilmu politik penuh dengan dinamikanya dan berseni/berstrategi. Faktor isu nasional lebih kuat mempengaruhi keputusan politik rakyat Johor, justeru pemimpin negeri dan tempatan Johor turut menerima tempiasnya. Kemenangan PH dimangkin oleh sokongan pengundi Cina dan India di samping pengundi muda Melayu dan sebahagian besar *First Time Voters* yang dipengaruhi oleh media sosial. Buat pertama kalinya, kubu terkuat UMNO di negara ini iaitu di Johor jatuh kepada parti selain UMNO/BN.

Junaidi (2022) menjelaskan bahawa tindakan WARISAN yang akan bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor, 12 Mac 2022 dilihat seperti menguji kebolehan (test market) bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15). Abu Ubaidillah (2022) menyatakan Presiden WARISAN iaitu Dato’ Seri Mohd Shafie Apdal menjelaskan bahawa WARISAN akan menyusun semula strategi dan mengorak langkah maju ke depan sebagai persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum ke-15 meskipun parti itu tewas di kesemua kerusi dalam PRU DUN Johor 2022. Fahmi (2022) menyatakan Ketua Penyelidikan Ilham Centre iaitu Yusri Ibrahim menjelaskan bahawa dua faktor iaitu demografik pengundi yang berdasarkan tahap sosial, pengundi bandar serta pengundi Cina, seterusnya seperti yang kita jangka ‘turn out’ rendah disebabkan isu kelesuan politik dalam segmen politik; dan peratusan keluar mengundi rendah menjadi faktor utama kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya negeri (PRN) Johor.

Metodologi Kajian


Bagi metodologi kajian, antara kaedah pengumpulan data primer bagi teknik kualitatif ialah menggunakan pemerhatian di lapangan manakala kaedah kuantitatif pula ialah olahan data keputusan PRU DUN Johor 2022. Pemerhatian di lapangan dilakukan dengan memerhati suasana kempen PRU DUN Johor 2022 yang merangkumi perang poster, *banner*, *bunting* dan *billboard*; sesi ceramah pada waktu malam; sesi *walkabout* calon yang bertanding; dan meninjau reaksi pengundi terhadap situasi, kaedah dan intipati isu kempen. Kaedah pemerhatian di lapangan adalah penting bagi melihat perubahan landskap budaya politik masyarakat setempat, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan untuk menyokong seterusnya mengukuhkan hasil kajian. Kaedah kuantitatif iaitu olahan data keputusan PRU DUN 2022 bagi Negeri Johor pula merujuk kepada penelitian terhadap keputusan PRU DUN 2022 di negeri tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi dan jumlah kerusi yang dimenangi. Penelitian terhadap data keputusan PRU DUN Johor 2022 tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi dan jumlah kerusi yang dimenangi adalah penting bagi melihat data keputusan undi secara lebih detail dan tepat berdasarkan angka bernombor bagi membuat justifikasi atau alasan sebab musabab keputusan berdasarkan angka bersifat sedemikian.

Data sekunder yang merupakan maklumat berbentuk kualitatif melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan melakukan penyelidikan ke perpustakaan. Segala kajian lepas dan data-data daripada sumber kedua iaitu buku, jurnal, latihan ilmiah/kertas projek/disertasi/tesis serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media-media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet, blog, media sosial (facebook, twitter dan email) bagi mendapatkan maklumat tambahan seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal.

Bagi penganalisan data pula melibatkan adunan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data kuantitatif iaitu data keputusan PRU DUN 2022 bagi Negeri Johor serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan-bahan bercetak dan atas talian (internet).

Kawasan Kajian: Negeri Johor Darul Takzim

Negeri Johor Darul Takzim ialah sebuah negeri di Malaysia yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadan dengan negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang. Negeri Johor juga dikelilingi oleh kawasan perairan seperti Laut China Selatan di timur, Selat Tebrau di selatan serta Selat Melaka di bahagian barat. Dengan keluasan kira-kira 19,210 kilometer persegi (7420 bt^2), Johor merupakan negeri kelima terbesar dalam negara Malaysia dan negeri ketiga terbesar di Semenanjung Malaysia. Selain itu, negeri ini juga mempunyai jumlah penduduk kedua terbesar selepas negeri Selangor dan negeri ketujuh terpadat di dalam negara. Ibu negeri Johor ialah Johor Bahru iaitu sebuah bandar raya di selatan negeri ini. Bandar raya tersebut merupakan bandar kedua terbesar di Malaysia selepas Kuala Lumpur. Di samping itu, bandar-bandar utamanya ialah Batu Pahat, Muar dan juga Kluang. Johor mempunyai 26 kawasan Parlimen dan 56 kawasan DUN (Lihat Rajah 1).



Rajah 1: Peta Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan DUN di Negeri Johor Darul Takzim

Sumber: Diadaptasi daripada SPR (2018)

Negeri Johor mempunyai 26 kawasan Parlimen iaitu Segamat, Sekijang, Labis, Pagoh, Ledang, Bakri, Muar, Parit Sulong, Ayer Hitam, Sri Gading, Batu Pahat, Simpang Renggam, Kluang, Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi, Pengerang, Tebrau, Pasir Gudang, Johor Bahru, Pulai, Iskandar Puteri, Kulai, Pontian dan Tanjung Piai. Bagi kawasan DUN pula, Johor mempunyai 56 kawasan DUN iaitu DUN Buloh Kasap, Jementah, Pemanis, Kemelah, Tenang, Bekok, Bukit Kepong, Bukit Pasir, Gambir, Tangkak, Serom, Bentayan, Simpang Jeram, Bukit Naning, Maharani, Sungai Balang, Semerah, Sri Medan, Yong Peng, Semarang, Parit Yaani, Parit Raja, Penggaram, Senggarang, Rengit, Machap, Layang-Layang, Mengkibol, Mahkota, Paloh, Kahang, Endau, Tenggara, Panti, Pasir Raja, Sedili, Johor Lama, Penawar, Tanjung Surat, Tiram, Puteri Wangsa, Johor Jaya, Permas, Larkin, Stulang, Perling, Kempas, Skudai, Kota Iskandar, Bukit Permai, Bukit Batu, Senai, Benut, Pulai Sebatang, Pekan Nenas dan Kukup.

Jumlah pengundi berdaftar pada PRU DUN 2022 di Negeri Johor ialah seramai 2,597,742 orang berbanding 1,820,617 orang pada PRU 2018 yang terdiri daripada pelbagai komposisi etnik dan kategori pengundi. Terdapat penambahan hampir 750,000 pengundi baharu termasuk 175,000 pengundi yang berumur 18-20 tahun. Pertambahan mendadak pengundi tersebut disebabkan oleh pendaftaran pemilih baharu daripada dua kelompok iaitu majoritinya daripada undi-18 (pemilih yang berumur 18-20 tahun) dan pemilih yang baharu mendaftar yang berumur 21 tahun dan ke atas.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Calon dan Parti Politik yang Bertanding dalam PRU DUN Johor 2022

Seramai 239 calon daripada 11 parti politik termasuk calon bebas layak bertanding pada PRU DUN Johor 2022. Daripada jumlah tersebut, Barisan Nasional (BN) dan Perikatan Nasional (PN) bertanding di semua kerusi 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor. Pakatan Harapan (PH) meletakkan calon di 30 DUN, Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) di 42 DUN, Parti Keadilan Rakyat (PKR) di 20 DUN, calon Bebas di enam kerusi, Ikatan Demokratik Malaysia (Muda) di tujuh kerusi dan Parti Warisan Sabah (Warisan) di enam DUN. Turut meletakkan calon, Parti Bangsa Malaysia (PBM) (4) dan Parti Bumiputera Perkasa (Putra) serta Parti Sosialis Malaysia (PSM) masing-masing seorang calon. Tiada pencalonan ditolak selepas proses penamaan calon berakhir. Daripada segi pertandingan mengikut penjuror, tujuh DUN akan menyaksikan pertembungan tiga penjuror dan 35 DUN empat penjuror.

Selain itu, lapan DUN menyaksikan pertembungan lima penjuror, empat DUN enam penjuror dan dua DUN melibatkan pertembungan tujuh penjuror. Seramai 202 calon lelaki akan bertanding pada PRN Johor 2022, manakala calon wanita seramai 37 orang. Calon paling tua berusia 71 tahun akan bertanding di DUN Bukit Permai mewakili PN, manakala dua calon paling muda berusia 26 tahun masing-masing akan bertanding di DUN Mengkibol dan Tangkak. Tempoh berkempen bermula selepas pengisytiharan pilihan raya dipertandingkan oleh pegawai pengurus sehingga pukul 11.59 malam pada 11 Mac 2022. SPR juga memaklumkan prosedur operasi standard (SOP) pencegahan Covid-19 bagi pelaksanaan PRN Johor ke-15 telah diluluskan dan akan dilaksanakan dengan ketat. Seramai 2,597,742 orang layak mengundi pada PRU DUN Johor 2022 melibatkan 2,574,835 pengundi biasa, 22,531 pengundi awal, dan 376 pengundi tidak hadir.

Keputusan PRU DUN Johor 2022

PRU DUN Johor 2022 menyaksikan 239 calon daripada 15 parti politik bertanding merebut 56 kerusi DUN, dan 1,426,573 orang atau 54.92 peratus keluar mengundi. Berdasarkan keputusan rasmi PRU DUN Johor 2022, BN berjaya meraih kemenangan 2/3 daripada jumlah keseluruhan 56 kerusi DUN Johor iaitu menang 40 kerusi DUN dengan UMNO menyumbang 33 kerusi, MCA empat kerusi dan MIC tiga kerusi. BN menang di DUN Buloh Kasap, Pemanis, Kemelah, Tenang, Bekok, Bukit Pasir, Gambir, Serom, Bukit Naning, Sungai Balang, Semerah, Sri Medan, Yong Peng, Semarang, Parit Yaani, Parit Raja, Senggarang, Rengit, Machap, Layang-Layang, Mahkota, Paloh, Kahang, Tenggaroh, Panti, Pasir Raja, Sedili, Johor Lama, Penawar, Tanjung Surat, Tiram, Permas, Larkin, Kempas, Kota Iskandar, Bukit Permai, Benut, Pulau Sebatang, Pekan Nenas dan Kukup.

Pakatan Harapan dan sekutunya menang 13 kerusi iaitu sepuluh kerusi daripada DAP manakala PKR, AMANAH dan MUDA masing-masing cuma menang satu kerusi. PH dan sekutunya menang di Jementah, Tangkak, Bentayan, Simpang Jeram, Penggaram, Mengkibol, Johor Jaya, Stulang, Perling, Skudai, Bukit Batu, Senai dan Puteri Wangsa. Perikatan Nasional menang tiga kerusi dengan BERSATU menyumbang dua manakala PAS meraih satu kerusi di Maharani. PN menang di Bukit Kepong, Endau dan Maharani.


Keputusan PRU DUN Johor kali ini juga merupakan rangsangan besar kepada MCA yang tidak menang sebarang kerusi pada 2018. Pilihan raya ini juga melihat ramai calon PH tewas dengan hanya memenangi 13 kerusi berbanding 36 kerusi pada 2018. Parti komponen PH iaitu AMANAH dan PKR hanya menang satu kerusi setiap satu, turun daripada sembilan dan lima

masing-masing sebelum ini. DAP memenangi 10 kerusi, turun daripada 14 pada 2018. Bagi gabungan PN pula, BERSATU yang menang lapan kerusi pada 2018, hanya tinggal dua kerusi manakala sekutu mereka PAS memenangi satu (Lihat Rajah 2).

BN mendahului undi popular pada PRU DUN Johor semalam dengan meraih 599,753 undi atau 43.11 peratus. Ia diikuti PH+PKR dengan 367,525 undi (26.41 peratus) undi, kemudian PN yang memperoleh 334,457 undi atau 24.04 peratus manakala MUDA buat pertama kali ke gelanggang pilihan raya memperoleh 48,072 atau 3.46 peratus undi. Undi popular merujuk kepada jumlah undi diraih oleh setiap parti atau gabungannya. Sementara itu, Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) pula memperoleh 18,692 undi atau 1.34 peratus, Bebas dengan 10,007 (0.72 peratus) undi, Warisan (6,523 atau 0.47 peratus) dan Parti Bangsa Malaysia (PBM) meraih 4,880 (0.35 peratus) undi. Parti Sosialis Malaysia (PSM) pula meraih 997 (0.07 peratus) undi dan Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTRA) dengan 247 atau 0.02 peratus undi. Dengan sistem pilihan raya *first past the post* yang diamalkan di negara ini, jumlah lebihan undi popular tidak melambangkan jumlah kerusi dimenangi.

Undi majoriti tertinggi adalah di DUN Skudai iaitu 13,943 undi manakala undi majoriti terendah adalah di DUN Bukit Batu iaitu 137 undi. Bagi kerusi yang dimenangi untuk jantina, 41 kerusi dimenangi oleh lelaki dan 15 kerusi dimenangi perempuan. Bagi kerusi yang dimenangi untuk umur, 15 kawasan DUN dimenangi oleh calon yang berumur 18-40 tahun, umur 41-50 tahun (19 kerusi), umur 51-60 tahun (17 kerusi) dan umur 61-70 tahun (5 kerusi).

PRU DUN Johor 2022 mencatatkan peratusan keluar mengundi sebanyak 54.92 peratus. Peratusan tersebut merangkumi 1,426,573 orang daripada jumlah keseluruhan pengundi yang layak mengundi di kesemua 56 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu 2,597,742 orang pemilih. Jumlah tersebut meliputi pengundi biasa, pengundi awal dan pengundi pos yang telah mengundi. Sebelum ini, SPR menasaskan 70 peratus pemilih berdaftar akan keluar mengundi pada PRU DUN Johor 2022. Bagi jumlah calon yang hilang wang deposit pertandingan pula, kesemua 42 calon PEJUANG hilang wang deposit, calon Bebas (16 calon), PKR (7 calon), WARISAN (6 calon), AMANAH (4 calon), PBM (4 calon), BERSATU (2 calon), GERAKAN (1 calon), PAS (1 calon), PUTRA (1 calon) dan PSM (1 calon).



Rajah 2: Peta Perbandingan Taburan Geografi Keputusan PRU Bagi DUN Johor 2018 dan PRU DUN Johor 2022

Sumber: Diadaptasi daripada SPR (2018 & 2022)

Pola Pengundian

Pola pengundian bagi DUN ini menunjukkan bahawa BN pula menang di kawasan luar bandar majoriti etnik Melayu dan campuran. PH pula menang di kawasan bandar dan separa bandar serta majoriti pengundinya etnik Cina. Dari segi sokongan mengikut kaum, majoriti pengundi etnik Cina mengundi calon daripada PH/PKR manakala undi etnik Melayu berpecah kepada 3 segmen iaitu BN, PN dan PH. Majoriti etnik India pula menyokong BN.

Prestasi Parti Politik dalam PRU DUN Johor 2022

BN

Pengerusi gabungan BN ialah Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi daripada UMNO. Secara keseluruhannya BN menang di 40 kerusi DUN dengan UMNO menyumbang 33 kerusi, MCA empat kerusi dan MIC tiga kerusi. BN telah menawan Bukit Pasir, satu dari dua kerusi DUN di bawah kerusi Parlimen Pagoh. Pengerusi Perikatan Nasional iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin ialah Ahli Parlimen Pagoh. Mohamad Fazli Mohamad Salleh daripada BN menang dengan majoriti tipis 198 undi. Beliau mendapat 6,048 undi berbanding Perikatan Nasional 5,850 undi. Pakatan Harapan menduduki tempat ketiga dengan 4,676 undi. Calon bebas Najib Lep dan Johar Siraj masing-masing menerima 1,860 dan 207 undi. Pejuang menduduki tempat terakhir dengan 196 undi.

Peratusan undi popular yang memihak kepada BN adalah hasil pengundi setia dan mahu gabungan itu mengambil alih semula urusan tadbir negeri. Prestasi popular Menteri Besar Johor Datuk Hasni Mohammad yang membawa konsep Keluarga Malaysia ke negeri Johor banyak menyumbang kepada undi berkenaan. Hasni juga dilihat banyak membantu golongan terkesan akibat COVID-19 terutama peniaga Cina di negeri itu dengan pelan pembangunan sosioekonomi yang diaturkan di bawah kepimpinannya. Hubungan Hasni yang melangkaui pelbagai etnik juga melengkapkan kejayaan BN di PRU DUN itu.

Setiausaha Agung UMNO iaitu Datuk Seri Ahmad Maslan menjelaskan bahawa BN telah meminta agar kiraan semula diadakan di N51 Bukit Batu. Ia selepas calonnya yang juga Ketua MIC Kulai iaitu S. Suppayah kalah kepada calon PKR iaitu Arthur Chong dengan majoriti 115 undi berbanding undi rosak yang lebih besar iaitu 624 undi. Chong mendapat 9,417 undi manakala Suppayah mendapat 9,302 undi. PN pula meraih 4,011 undi dan Warisan dengan 1,349 undi. BN akan membuat petisyen di mahkamah terhadap keputusan di DUN Bukit Batu tersebut.

BN telah menawan semula 20 kerusi yang dimenangi PH pada PRU 2018. Kerusi tersebut adalah Tenang (BERSATU), Bekok (DAP), Semerah (PKR), Senggarang (AMANAH), Gambir (BERSATU), Kemelah (AMANAH), Yong Peng (DAP), Serom (AMANAH), Bukit Nanning (PKR), Parit Yaani (AMANAH), Mahkota (AMANAH), Pulau Sebatang (AMANAH), Tiram (BERSATU), Permas ((BERSATU), Larkin (BERSATU), Kempas (BERSATU), Paloh (DAP), Bukit Permai (BERSATU), Pekan Nanas (DAP) dan Pemanis (PKR). BN juga berjaya menawan kerusi daripada PAS iaitu Bukit Pasir.

BN bukan sahaja berkuasa di negeri Johor, ia juga berjaya mengekalkan momentum daripada kemenangan dominan pilihan raya negeri (PRN) Melaka dan Sarawak. Pemimpin berpengaruh dalam UMNO telah pun mendesak Perdana Menteri Dato' Ismail Sabri Yaakob supaya mengadakan pilihan raya umum (PRU) negara lebih awal dan keputusan tersebut hanya menjadikan seruan itu semakin kuat dan sukar untuk diabaikan. Selepas mendapat majoriti dua

pertiga dalam tiga PRU DUN berturut-turut, blok itu berkemungkinan menjadi lebih yakin dan bangkit lebih kuat daripada kekalahan mengejut pada 2018.

BN menang dengan jumlah kerusi DUN yang besar dalam PRU DUN Johor 2022 adalah dengan mendapat sokongan daripada pengundi teras parti tersebut terutamanya ahli UMNO dan MIC sekitar 40 peratus daripada keseluruhan pengundi. Selebihnya 60 peratus adalah daripada pengundi atas pagar dan sebahagian pengundi PH yang beralih arah kepada BN. BN diundi dalam PRU DUN kali ini kerana pengundi mahukan kestabilan politik dan mereka percaya serta yakin kepada pengalaman BN memerintah negeri ini sejak sebelum merdeka lagi. Selain itu, terdapat juga sebahagian pengundi Melayu yang mengundi BN merasakan bangga kerana Johor merupakan tempat kelahiran UMNO, oleh itu mereka merasa bertanggungjawab dan berbesar hati untuk menyokong BN/UMNO dalam setiap pilihan raya. Selain itu, BN terutamanya UMNO mempunyai jentera parti yang kuat dan berpengalaman sejak 60 tahun yang lalu. Mereka mempunyai jentera wanita dan puteri UMNO yang terkenal dengan pasukan Jalinan Rakyat (JR) dan Ketua 10 (K10) yang berperanan untuk berkempen sepanjang masa. Jentera kempen yang efisien ini sekarang-kurangnya dapat mempertahankan undi daripada ahli parti dan dapat menawan sebahagian undi pengundi atas pagar.

Dalam PRU DUN Johor 2022 ini juga BN telah memperkenalkan sekitar 70 peratus calon baharu terutamanya daripada pemuda UMNO. UMNO menampilkan 37 calon, 15 diwakili MCA dan empat kerusi MIC. Daripada jumlah itu, 80 peratus adalah calon memiliki kelulusan akademik yang tinggi dan terdiri daripada mereka yang berumur 55 tahun ke bawah serta 70 peratus muka baharu. BN memilih calon sedemikian adalah untuk memberikan kesinambungan perkhidmatan yang terbaik. Calon dipilih adalah calon terbaik daripada kalangan yang baik, mengambil kira soal parti komponen, serta mempunyai tiga parti teras serta rakan bergabung. Pasukan calon yang akan dihidangkan rakyat Johor khususnya pengundi Johor adalah untuk perubahan besar harapan baharu negeri Johor. Calon baharu dan muda ini penting bagi menghasilkan pimpinan yang mempunyai idea baharu dan kreatif dari segi untuk membangun dan memajukan kawasan beserta mempunyai nilai integriti yang tinggi dan dapat meyakinkan pengundi. Justeru, tidak hairanlah bahawa BN terutamanya UMNO mendapat sokongan padu pada PRU DUN ini. Namun kemenangan 2/3 BN di Johor ini tidak boleh diambil mudah oleh pimpinan UMNO kerana mereka menang dengan peratusan keluar mengundi keseluruhan Johor yang rendah iaitu hanya 54 peratus berbanding 85 peratus pada PRU-14, 2018. Peratus keluar mengundi yang rendah tersebut disebabkan ramai pengundi atas pagar, pengundi luar kawasan, pengundi muda dan pengundi yang takut rebakan wabak COVID-19 tidak turun mengundi. Justeru, BN perlu melakukan sesuatu seperti terus berkempen bagi meyakinkan lebih ramai pengundi untuk turun mengundi pada pilihan raya akan datang.

Berdasarkan kenyataan Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Zambry Abd. Kadir, terdapat 15 faktor Barisan Nasional menang dalam PRU DUN Johor 2020 iaitu kemenangan BN menitip sejarah kerana inilah pilihan raya yang pertama diadakan selepas Undi 18 dan undi secara automatik dilaksanakan secara rasmi; kempen keterlaluan pihak penentang BN, khususnya dari PN yang bertubi-tubi menggunakan isu “kluster mahkamah” telah menimbulkan pertanyaan dan keresahan pengundi dan akhirnya menimbulkan simpati kepada BN; personaliti Hasni selaku Menteri Besar (MB) dan “poster boy” yang dikira tidak membawa palitan isu untuk dieksploit oleh pihak penentang; BN membawa tema Kestabilan Masa Depan; kegagalan pihak penentang dari PH dan PN untuk menamakan siapakah calon MB yang benar-benar diyakini rakyat; jentera BN yang sangat tersusun dan disiplin khususnya dari negeri yang datang membantu; faktor Datuk Seri Najib yang menjadi suatu fenomena untuk rakyat Johor termasuk

masyarakat Cina; jentera komponen BN yang pertama kali bergerak dengan penuh semangat mengikut pendekatan UMNO dalam mengenal pasti pengundi “putih” amat membantu; kesungguhan BN mengemukakan calon yang dapat diterima oleh rakyat meskipun ada keputusan di peringkat parti bercanggah dengannya; ketiadaan persefahaman dalam kalangan penentang BN untuk menumbangkan BN secara kolektif; faktor COVID-19 menjadi langkah berhati-hati di kalangan pengundi untuk keluar mengundi; kekecewaan masyarakat Cina dengan DAP dan pihak pembangkang telah menyebabkan sebahagian mereka tidak keluar mengundi atau mengambil sikap memberi sokongan kepada calon BN; sikap rakyat yang mahukan agar dikembalikan kestabilan dan dihentikan permainan politik yang tiada berkesudahan; perpecahan undi Melayu yang begitu ketara dari pelbagai parti komponen dan gabungan yang dipimpin oleh pemimpin Melayu seperti UMNO, PKR, AMANAH, PAS, PEJUANG, MUDA dan PUTRA; dan strategi dan langkah taktikal yang dibuat dari pasukan yang penuh dedikasi dari *team* BN sendiri (tanpa bantuan luar) dan tidak mengeluarkan pelbagai kenyataan yang cuba menonjolkan peribadi tertentu.

PH

Pakatan Harapan dipimpin oleh Dato’ Seri Anwar Ibrahim sebagai Pengerusi. PH yang sebelum ini mempunyai 27 kerusi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, hilang separuh kerusi iaitu kepada 12 kerusi pada PRU DUN Johor 2022. Selepas Melaka, Johor mewakili negeri kedua yang gagal dikekalkan oleh PH selepas menang pada 2018. Keputusan PKR untuk menggunakan logo sendiri berbanding logo PH mengundang reaksi. AMANAH dan DAP sebelum ini berkata, sudah tentu ia inginkan semua parti komponennya menggunakan logo gabungan itu bagi PRU DUN Johor. Namun, kedua-dua parti menghormati kedudukan sekutu mereka itu. PH berdepan cabaran sukar jika ia ingin kembali memegang kuasa politik pada 2018. Pilihan raya umum (PRU) tidak mungkin berlaku pada waktu yang teruk dan pesaingnya mungkin tahu dan cuba menggunakan kelemahan gabungan itu.

Parti pimpinan Anwar Ibrahim berdepan satu lagi prestasi pilihan raya yang buruk, termasuk di Melaka dan Sarawak. Namun, ia agak lebih baik di Johor apabila berjaya mempertahankan kerusi Bukit Batu dengan margin yang sangat tipis. Bagaimanapun, ini masih kurang empat daripada yang dimenangi pada 2018. Salah satu kejutan yang lebih besar adalah kekalahan bekas Menteri Pendidikan Maszlee Malik di Layang-Layang. Sebagai tambahan baharu kepada parti itu, Maszlee telah disebut-sebut sebagai bakal Menteri Besar menjelang PRU DUN itu. Prestasi undi PH yang sebelum ini selalunya tinggi daripada parti lain juga perlu dikaji, mereka perlu melakukan pascanilai ke atas pengurangan undi itu, ia agak memeranjatkan.

PH sama ada PKR, AMANAH dan DAP pada PRU DUN Johor 2022 ini mengalami kemerosotan undi yang sangat ketara. Kemerosotan undi ini berlaku kerana dipercayai akibat penurunan jumlah keluar mengundi kepada 54 peratus pada PRU DUN Johor 2022 berbanding 85 peratus pada PRU-14, 2018. Sebahagian besar penyokong kuat PH terutamanya pengundi kaum Cina dan pengundi Melayu atas pagar tidak turun mengundi di samping terdapat sebahagiannya berpaling tadah kepada menyokong PN dan PH. Penurunan peratus keluar mengundi serta terdapat penyokong yang berpaling tadah ini disebabkan faktor imej perkauman cauvanis Cina DAP, kegagalan menunaikan janji PH ketika sebagai kerajaan selama 22 bulan, perkhidmatan kepada rakyat yang amat perlahan ketika sebagai kerajaan, tidak berpengalaman dalam mentadbir, isu perkauman dan keagamaan yang merugikan PH, kelemahan komunikasi antara pimpinan parti komponen PH, pemotongan bantuan yang diperkenalkan Kerajaan BN dan tidak sensitif dengan isu kebajikan serta keharmonian rakyat berbilang bangsa.

PN

Perikatan Nasional (PN) dipimpin oleh Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin sebagai Pengerusi. PN hanya mampu mendapat tiga kerusi selepas menang 12 kerusi pada 2018. PN berjaya mengekalkan kerusi DUN di Parlimen Pagoh iaitu Bukit Kepong dengan majoriti 710 undi. Penyandanginya ialah bekas Menteri Besar Johor iaitu Dato' Seri Dr. Sahrudin Jamal. PN juga kalah di kawasan berjiran iaitu Gambir. BN menawan kerusi itu dengan majoriti selesa 3,146 undi. Muhyiddin ialah penyandang DUN Gambir tetapi tidak mempertahankan kerusi itu.

PN menawan kerusi DUN Maharani di Muar daripada Pakatan Harapan (AMANAH). Sebaliknya, Abdul Aziz Talib daripada PAS memenangi kerusi itu dengan majoriti 1,037 undi. Penyandanginya Nor Hayati Bachok daripada AMANAH menduduki tempat kedua dengan 6,522 undi, diikuti BN dengan 5,861 undi. Pada PRU 2018, PAS menduduki tempat terakhir di Maharani. PAS sebelum ini menguasai kerusi itu pada PRU 2008 dan 2013.

PN mencatatkan kemenangan mengejut di Endau iaitu menawan kerusi itu daripada BN. Kerusi DUN tersebut adalah satu-satunya kerusi penyandang BN yang tewas. Ilham Center telah memilih kerusi itu sebagai kawasan yang perlu diperhatikan atas faktor calon penyandang yang disukai pengundi. Endau ialah kerusi DUN di bawah kawasan Ahli Parlimen Mersing iaitu Dato' Seri Dr. Abd Latiff Ahmad yang berpaling tadah daripada UMNO kepada BERSATU. Alwiyah Talib dari PN menang dengan majoriti 3,041 undi. Beliau meraih 8,433 undi berbanding BN 5,392 undi, PH 1,154 undi dan Pejuang 145 undi. Calon bebas pula hanya mendapat 77 undi.

PN memang di ketiga-tiga kawasan tersebut kerana faktor calon dikenali pengundi dan juga faktor kepartian. Dua calon yang menang iaitu Dato' Seri Dr. Sahrudin Jamal di Bukit Kepong dan Alwiyah Talib di Endau adalah penyandang pada PRU 2018. Dato' Seri Dr. Sahrudin Jamal dikenali pengundi kerana beliau sebagai bekas Menteri Besar Johor dan Bukit Kepong juga secara kebetulannya berada dalam Parlimen Pagoh iaitu bekas Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin. Alwiyah Talib pula sebelum ini dikenali sebagai ADUN daripada BN/UMNO yang melompat parti ke BERSATU/PN di Endau kerana beliau kerap turun padang, mesra rakyat, senang dihubungi, pemurah, trek rekod yang baik serta mempunyai gaya kepimpinan yang disukai dan disenangi pengundi. Satu lagi kerusi yang dimenangi PN adalah calon PAS iaitu Abdul Aziz Talib di DUN Maharani, Muar. Calon PAS ini adalah merupakan Yang Dipertua PAS kawasan Muar dan bekas guru di kawasan tersebut yang mempunyai ramai anak muridnya serta mempunyai ramai sanak saudara di Maharani sekali gus merupakan calon yang paling popular seterusnya berjaya menawan DUN Maharani daripada PH/AMANAH.

Bagi faktor kepartian pula, PN (BERSATU dan PAS) mendapat sokongan yang agak besar daripada pengundi Melayu terutamanya golongan atas pagar, golongan muda, golongan terpelajar, golongan profesional, golongan agamawan kerana PN dilihat baik, beragama dan berakhlak, merendah diri, prihatin, cepat bertindak, tidak kedekut untuk mengeluarkan peruntukan bagi kebajikan rakyat, mesra rakyat dan pernah berjasa kepada rakyat melalui Tan Sri Muhyiddin sebagai Perdana Menteri ketika rakyat berhadapan dengan rebakan wabak pandemik COVID-19. Beliau sebagai Perdana Menteri banyak meluluskan bantuan kepada rakyat seperti Bantuan Prihatin Rakyat, bantuan kepada peniaga serta moratorium kepada peminjam wang daripada bank di samping imej 'abah' yang mesra dan rapat dengan rakyat dan mempunyai kepimpinan yang dilihat bersih serta boleh dipercayai. Kesemua ini menjadikan PN sebenarnya mendapat sokongan padu pengundi atas pagar/tidak berparti yang merangkumi

60 peratus daripada keseluruhan pengundi. Justeru, PN dilihat mempunyai masa depan yang cerah untuk menang lebih banyak kerusi pada PRU akan datang jika sekitar 75-85 peratus pengundi keluar mengundi untuk menawan kawasan majoriti pengundi atas pagar Melayu dan sebahagian kawasan campuran.

Parti Politik lain dan Calon Bebas

MUDA diketuai oleh Presiden iaitu Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (ahli Parlimen Muar, Johor yang juga bekas Ketua Pemuda BERSATU). MUDA yang bertanding di 7 kawasan DUN iaitu Tenang (3,644 undi), Bukit Kepong (3,076 undi), Parit Raja (3,893 undi), Machap (3,493 undi), Puteri Wangsa (22,884 undi), Bukit Permai (6,134 undi) dan Larkin (4,948 undi) hanya berjaya menang satu kerusi dalam pilihan raya pertamanya menerusi Setiausaha Agungnya iaitu Amira Aisyah Abd Aziz yang menang di kerusi DUN Puteri Wangsa. Walaupun ia tidak melihat kejayaan sama di enam kawasan lain yang ditandingi, tidak dinafikan bahawa ia menjadi pengukur penting untuk parti yang diragui ramai itu memandangkan pengasasnya, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman yang juga Ahli Parlimen Muar juga tidak bertanding di kerusi DUN. Kemenangan itu memberikan keyakinan kepada mereka yang ia mungkin relevan dan parti baharu itu dilihat mungkin kekal dalam arena politik. Kemenangan calon MUDA di DUN Puteri Wangsa disebabkan faktor sokongan daripada penyokong PH daripada kaum Cina dan juga pengundi muda yang masih teruja dengan YB Syed Saddiq serta MUDA di samping mendapat sokongan daripada sebahagian pengundi Melayu kerana parti utama iaitu BN dan PN meletakkan calon bukan Melayu di DUN Puteri Wangsa sekali gus menunjukkan bahawa pengundi Melayu akan menyokong calon parti utama daripada kaum Melayu juga. Parti MUDA ini majoritinya disokong oleh pengundi muda dan pengundi yang berpendidikan tinggi. Pengundi muda menjadikan MUDA sebagai platform untuk disokong agar aspirasi dan kehendak mereka serta keperluan idea baharu, segar serta sesuai dengan perkembangan kemajuan teknologi semasa diperjuangkan MUDA seterusnya direalisasikan sebaiknya. Namun parti ini kurang disokong pengundi dewasa dan tua kerana mereka beranggapan bahawa pemimpin perlu dipilih dalam kalangan orang dewasa dan senior yang lebih berpengalaman serta matang dalam membuat keputusan.

PEJUANG merupakan parti politik baharu yang berdepan pilihan raya pertamanya, parti pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi itu mengumumkan akan bertanding di 42 kerusi, lebih banyak daripada parti lain. Malangnya, satu pun tidak berjaya dimenangi. Tun Dr. Mahathir sebagai Pengerusi parti itu tidak bercadang untuk bertanding pada PRU-15, menjadikan anaknya Mukhriz sebagai satu-satunya tokoh dalam PEJUANG. PEJUANG meskipun tidak menang malahan hilang deposit di kesemua kerusi yang ditandinginya namun parti baharu tersebut masih mendapat sokongan daripada pengundi tua dan sebahagian pengundi dewasa yang masih kagum dengan kepimpinan, kebijaksanaan dan kepintaran Tun Dr. Mahathir yang dua kali pernah menjadi Perdana Menteri serta menganggap parti tersebut sebagai alternatif kuasa politik Melayu.

WARISAN yang dipimpin Presidennya iaitu Dato' Seri Shafie Apdal juga merupakan bekas Naib Presiden UMNO. WARISAN bertanding sebanyak enam kerusi DUN iaitu Pekan Nanas melalui Hishamuddin Busri (1,438 undi), Bekok melalui Sandara Segaran a/l Arumugam (330 undi), Mahkota melalui Mohamed Noor Suleiman (555 undi), Johor Jaya melalui Chen Hain Kai (1,448 undi), Bukit Batu melalui Lee Ming Wen (1,349 undi) dan Permas melalui Mohamed Ridza Busu (1,412 undi) gagal memenangi sebarang kerusi dalam PRU DUN Johor. Ini sekali gus menimbulkan persoalan sama ada Warisan mampu memberi saingan jika bertanding di Semenanjung Malaysia dalam Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

WARISAN sebenarnya tiada rekod atau visi jelas untuk Johor, pimpinan dan calonnya kebanyakannya orang lama daripada Pakatan Harapan (PH), Perikatan Nasional (PN) atau Barisan Nasional (BN). Masih ramai pengundi keliru dan tidak mengenali parti berkenaan. WARISAN masih baharu bertapak di Johor dan terpaksa bersaing dengan parti-parti politik lebih dominan di Semenanjung. Namun pimpinan WARISAN di Johor menyatakan bahawa angin perubahan kaum Cina dijangka berlaku pada pilihan raya negeri dengan menyokong WARISAN berdasarkan kecenderungan mereka menyokong parti itu dan sentimen masyarakat Tionghua menolak DAP dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan). pimpinan WARISAN juga menyatakan bahawa 'mood' komuniti Cina berubah kerana marah dengan PH-DAP, namun undi tidak akan pergi ke parti itu. WARISAN baru sahaja mengibarkan bendera di Semenanjung dan Johor, oleh itu parti yang berpangkalan di Sabah tersebut akan memecahkan undi di kawasan yang mereka tandingi. Sokongan orang Cina pada WARISAN hanyalah disebabkan sebahagian pemimpinnya di Semenanjung merupakan bekas ahli DAP berbangsa Cina. Justeru, katanya, ia bukanlah faktor 'semula jadi' pengundi Cina beralih sokongan daripada WARISAN sekali gus mendorong DAP menyelar tindakan parti itu bertanding di Johor. Namun begitu, parti ini masih mendapat sokongan sekitar 1,000 undi bagi DUN Johor Jaya, Permas, Bukit Batu dan Pekan Nanas daripada pengundi Cina kerana calon mereka daripada etnik Cina dan pengundi yang berasal daripada Sabah yang agak ramai tinggal dan mengundi di Johor terutamanya di kawasan Pasir Gudang. Terdapat sekitar 5,000 pengundi Bumiputera Sabah di Johor. Sebahagian penduduk Sabah di Johor sudah menetap hingga 30 tahun dan selesa setelah diberikan pelbagai kemudahan oleh pihak kerajaan.

PBM (Parti Bangsa Malaysia) ditubuhkan pada November 2021 melalui Presidennya iaitu Larry Sng Wei Shien (ahli Parlimen Julau, Sarawak). PBM telah menghantar empat orang calon untuk PRU DUN Johor 2022 namun tewas di kesemua kerusi tersebut. Empat calon PBM tersebut adalah Ahli Parlimen Tebrau, Steven Choong Shiau Yoon yang akan bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Puteri Wangsa (2,471 undi), Muhammad Hanis Asmui Md Salleh (Maharani) (190 undi), Mohd Azmi Ali (Tiram) (860 undi) dan Muhammad Saiful Bahri Sahari (Stulang) (1,359 undi). PBM mendapat sokongan daripada bekas ahli atau penyokong PKR yang keluar parti dan menyertai parti tersebut. PBM juga pada awalnya bergerak atas platform NGO iaitu Penggerak Komuniti Negara (PKN) yang mempunyai 53,000 ahli seluruh Malaysia. PKN Johor mendakwa menerima banyak permintaan kemasukan keahlian dan seramai 26,471 ahli sudah mengesahkan pendaftaran masing-masing. PKN Johor juga sudah selesai mengesahkan 25 orang pengerusi PKN di setiap kawasan Parlimen di negeri ini manakala baki seorang lagi pengerusi masih dalam pertimbangan. Ahli PKN ini bukan hanya yang keluar (parti) khususnya daripada PKR tetapi daripada seluruh rakyat. Sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan, dikatakan PKN boleh menerima pelbagai lapisan masyarakat kerana matlamatnya untuk membantu memakmurkan negeri dan negara. Salah seorang ahli PKN ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin. Beliau mengatakan bahawa NGO tersebut adalah sebahagian dari pelaksanaan pemerintah dari Dasar Komuniti Nasional di bawah kementeriannya.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) dipimpin oleh Presidennya iaitu Dr. Mohd Nasir Hashim (bekas ADUN Kota Damansara). PSM hanya bertanding di satu kerusi melalui calon daripada etnik India (Arangkannal a/l Rajoo) iaitu di DUN Kota Iskandar hanya memperoleh 997 undi. Parti tersebut dipercayai hanya memperoleh sokongan daripada ahli parti tersebut di kawasan tersebut dan undi daripada etnik India. PSM semestinya merupakan parti yang memperjuangkan hak dan kebebasan rakyat namun parti ini masih belum mempunyai jentera dan sokongan yang kuat dan boleh dikatakan sebagai parti 'pemecah undi' semata-mata.

Namun sekurang-kurangnya parti ini menyediakan platform terhadap pengundi yang bersetuju dengan ideologi atau dasar perjuangan parti ini seterusnya menyerikan lagi proses demokrasi di negara ini.

Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTRA) pimpinan Dato' Dr. Ibrahim Ali sebagai Presiden daripada Kelantan. PUTRA hanya menghantar seorang calon yang bertanding di kawasan majoriti Melayu iaitu di DUN Semerah yang memperoleh hanya 247 undi. Penyokong parti ini adalah dalam kalangan orang Melayu yang fanatik dengan perjuangan, retorik ucapan dan karismatik Presidennya. Bagi kes DUN Semerah, undi yang diperoleh adalah daripada kalangan saudara-mara dan rakan taulan calon PUTRA di kawasan DUN tersebut iaitu Dr. Kamarolzaman Mohd Jidi yang dikatakan berasal daripada keturunan Kiyai/Panglima Salleh Selempang Merah. Dr. Kamarolzaman merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan TVET, Presiden Persatuan Doktor Pendidikan EDD, alumni UNISEL dan juga Yang Dipertua Kelab Kiyai Salleh Malaysia.

Calon Bebas pula tewas dan hilang deposit di kesemua 16 kawasan DUN yang ditandingi. Terdapat pelbagai sebab tujuan calon Bebas ini bertanding antaranya ingin mencuba nasib, tidak dicalonkan parti, merasakan popular di kawasan yang ditandingi, mendapat penajaan daripada pihak tertentu, untuk memecah undi, ingin bertindak sebagai alternatif kepada parti politik yang bertanding, mewakili kelompok tertentu, sebagai platform untuk memperjuangkan hak dan nasib pengundi dan sebagainya. Namun sejarah telah membuktikan bahawa calon Bebas sukar untuk memenangi kerusi yang ditandingi kerana mereka tiada jentera kempen yang kuat dan menyeluruh, tidak dapat menubuhkan kerajaan, tiada atau kurang dana untuk membantu rakyat bahkan kurang atau tidak dikenali pengundi kerana sama ada tidak pernah aktif dalam politik ataupun berasal daripada luar kawasan pilihan raya yang ditandingi.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, keputusan PRU DUN Johor 2022 menunjukkan bahawa prestasi BN paling memberangsangkan kerana parti tersebut berjaya mengukuhkan kedudukan dalam DUN Johor dengan menguasai lebih 2/3 kerusi DUN iaitu 40 kerusi DUN (37 kerusi untuk 2/3). BN juga memperoleh undi popular tertinggi berbanding PH dan PN. Namun kemenangan BN tersebut dalam keadaan peratus keluar mengundi yang rendah iaitu hanya 54 peratus berbanding 85 peratus pada PRU-14, 2018. Justeru, BN perlu lebih melipatgandakan usaha berkempen bagi pengundi atas pagar yang dipercayai kurang turun mengundi bagi mengekal atau mendapat keputusan yang lebih baik pada pilihan raya akan datang. PN pula walaupun hanya mendapat 3 kerusi namun parti tersebut dipercayai akan terus mendapat sokongan daripada pengundi Melayu atas pagar, golongan agamawan, golongan muda, golongan terpelajar dan profesional. Justeru, jika peratus keluar mengundi pada pilihan raya akan datang meningkat maka parti ini bakal mendapat kerusi lebih banyak dan tidak mustahil boleh menguasai negeri dan negara. Bagi PH pula, prestasi mereka merosot kerana peratus keluar mengundi menurun dan kurang mendapat sokongan daripada pengundi Melayu dan India. Pengaruh PH juga dilihat semakin terhakis akibat bahana 22 bulan pemerintahan PH yang dilihat gagal, lambat, lemah, naif dan silap dalam membuat keputusan penting negara. Justeru, PH perlukan naratif baharu mengenai politik negara malahan pimpinan veteran yang sedia ada perlu berundur dan diserahkan kepada pelapis muda yang ada. Bagi parti lain, mereka masih belum dikenali dengan baik dan jelas oleh pengundi di samping jentera parti yang minimum. Oleh itu, pengaruh parti yang pesat memerlukan masa yang agak lama, jentera parti yang kuat dan efisien serta memahami denyut nadi rakyat sebaiknya demi mendapat sokongan yang kuat daripada pengundi khususnya di Negeri Johor Darul Takzim ini. Justeru, semua parti politik

yang menyertai pilihan raya perlu mempersiapkan jentera, calon dan turun padang lebih awal supaya pengundi dapat mengenali parti politik dan calon yang dipertaruhkan demi memperjuangkan hak dan kebajikan pengundi di kawasan yang ditandingi.

Rujukan

- A.Rashid A. Rahman. (1994). *Penjalanan Pilihan Raya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Ab. Rashid Ab. Rahman & G Manimaran. (2021). *Pilihan Raya Demokrasi Malaysia: Tanding, Pilih, Menang & Tadbir*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Mohamad. (1994). *Tingkah laku Pengundi di Kawasan Luar Bandar: Satu Kajian kes di Tangkak, Johor*. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Abu Ubaidillah Rahman. (2022). *Tewas dalam PRN Johor, Warisan susun strategi untuk PRU15*. *Warta Rakyat*. <https://wartarakyat.com.my/index.php/2022/03/13/tewas-dalam-prn-johor-warisan-susun-strategi-untuk-pru15/>. 13 Mac.
- Cohen, S.B. (2003). *Geopolitics of the World System*. Rowman & Littlefield Publishers.
- Fahmi Yusof. (2022). *Demografik, peratusan keluar mengundi faktor BN menang besar di Johor, kata penganalisis*. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/03/13/demografi-k-peratusan-keluar-mengundi-faktor-bn-menang-besar-di-johor-kata-penganalisis/>. 13 Mac.
- Flint, C. (2006). *Introduction to Geopolitics*. London: Routledge.
- Henry Loh. (2018). *Rakyat's victory vindicates decades-long struggle*. In Francis Loh & Anil Netto (Eds), *Regime change in Malaysia: GE14 and The end of UMNO-BN'S 60-year rule*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Hutchinson, F.E. (2019). *GE-14 in Johor: Shock or Just Awe?*. In Hutchinson, F.E. & Lee, H. A. *The Defeat of Barisan Nasional: Missed Signs or Late Surge?*. Singapore: ISEAS – Yusof Ishak Institute.
- Iskandar Miza Ahmad. (1998). *UMNO dan Pembangunan di Bahagian Gelang Patah, Johor Darul Takzim*. Jabatan Sains Politik. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar. (2017). *Politik pilihan raya menuju PRU-14: kajian kes di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor*. Prosiding. 3rd International Conference On Elections And Democracy. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak. 473-508.
- Junaidi Awang Besar. (2018). *Analisis Faktor Geografi Terhadap Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia*. International Conference on Social Sciences And Humanities (ICOSH-7) 2018. Tema: "Wisdom and Culture in the ASEAN Region: Perspectives from the Social Sciences and Humanities" "Akal Budi dan Kebudayaan di Rantau ASEAN: Perspektif Sains Sosial dan Kemanusiaan". Anjuran dan Tempat Persidangan: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Pada 12-15 November.
- Junaidi Awang Besar. (2019a). *Pengaruh Geopolitik Kaum Dalam Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018 Di Malaysia*. International Conference On Social Sciences And Humanities 2019 (ICOSSH 2019). At: Parkcity Everly Hotel, Bintulu, Sarawak, Malaysia. Organize By: Faculty Of Social Sciences And Management, Universiti Putra Malaysia Campus Bintulu, Sarawak. 8-9 October.
- Junaidi Awang Besar. (2019b). *Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia*. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232.

- Junaidi Awang Besar. (2020a). Analisis geografi politik dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjong Piai, Johor. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*, 5(20), 14-56.
- Junaidi Awang Besar. (2020b). PRU-14 dan pasca PRU-14: Analisis politik di negeri Johor Darul Takzim. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(5), 81-98.
- Junaidi Awang Besar. (2022). WARISAN Hanya Mahu 'Test Market' Di PRN Johor. *GETARAN: Berita (Politik)*. <https://www.getaran.my/artikel/politik/19451/warisan-hanya-mahu-test-market-di-prn-johor>. 19 Februari.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2011). Pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor: analisis pola pengundian etnik Cina. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang Dan Alam Sekitar (MATRA) 2011*. Hotel Vistana, Pulau Pinang. Anjuran Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 16-17 November.
- Junaidi Awang Besar, Ahmad Rizal Mohd Yusof & Mohd Syukri Zainuddin. (2021). Berakhirnya benteng terakhir BN di Johor dalam PRU-14. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (Penyelenggara). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 389-412. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2012). Analisis pola pengundian etnik Cina dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(5), 39-50.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi, Mohd Syukri Zainuddin, Muhammad Hazim Abd Ghani & Mazlan Ali. (2018). Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018 di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. *Malaysia Brunei Forum 2018 (MBF 2018)*. Tema: "Pengetahuan dan Inovasi Sosial: Masa Lalu, Kini dan Masa Depan". Anjuran Dan Tempat: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. 7-8 November.
- Mohamed Nawab Mohamed Osman & Rashaad Ali. (2018). Localising Victory: GE 14 And the Electoral Contests In Johor And Kelantan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2)(December 2018), 367-385.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2012a). Pendapat dan Keperluan Generasi Muda di Kawasan Parlimen Muar, Johor. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 7, 50-63.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2012b). Persepsi Politik dan Kepimpinan di Kawasan Parlimen (P152) Kluang, Johor. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(3), 23-32.
- Mohd Izani Mohd Zain & Abdul Razak Ahmad. (2019). Permata Bertukar Pemilik: Cabaran dan Masa Depan Politik Johor Pasca PRUM Ke-14. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Noor Mat Yazid. (2019). Faktor Sabah, Sarawak Dan Johor Dalam Pembentukan Kerajaan Pusat Malaysia: Analisis Pilihanraya Umum Ke-13 Dan Ke-14. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(14)(Mac 2019), 87-96.
- Muhammad Naim Fakhirin, Zulkanain Abdul Rahman & Fatimi Hanafi. (2019). Prestasi UMNO di Kerusi Parlimen Kawasan FELDA, Johor pada PRU-14. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Ng Mei Mei. (2001). Pola Perlakuan Pengundi: Satu Kajian Kes Di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Maharani (N16), Negeri Johor Darul Takzim Pada Pilihan Raya Umum 1995 dan Pilihan Raya Umum 1999. Jabatan Sains Politik. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Ilyana Aman Nor. (2004). Politik Melayu: Satu Tinjauan Terhadap UMNO Bahagian Parit Sulong. Program Sains Politik. Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Ahmad Hussein. (1995). Pengantar Sains Politik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pendidikan Jarak Jauh. Universiti Sains Malaysia.
- Syed Ahmad Hussein. (2004). Pengantar Sains Politik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.